

## Polisi Pemulangan & Pertukaran

Zinnia2u.com : Tarikh Kemaskini Terakhir 30 Apr 2026

- Barang yang telah dijual tidak boleh dipulangkan. Zinnia hanya menerima pemulangan dan pertukaran sekiranya terdapat kecacatan pengilangan. Sekiranya pelanggan menerima barang dengan kecacatan pengilangan, sila hubungi kami di admin@Zinnia2u.com atau WhatsApp +6013 393 9153 dalam tempoh 48 jam dari tarikh penerimaan. Walau bagaimanapun, jaminan ini tidak meliputi kerosakan atau pencemaran akibat tarikh luput, kecuaiian, atau perbuatan sengaja. (Untuk alamat Malaysia sahaja)
- Zinnia tidak akan menerima alasan pemulangan untuk menukar produk A kepada produk B.
- Prosedur Wajib untuk Pemulangan & Pertukaran: Maklumkan Zinnia dalam masa 48 jam selepas barang diterima, tunggu kelulusan dan kembalikan barang yang rosak dalam masa 7 hari bekerja dengan nombor invoices/resit tunai. Jika tidak, pemulangan atau pertukaran tidak akan diproses. Kos pemulangan ditanggung oleh pelanggan.

### Alamat Pemulangan:

Zinnia Global Sdn Bhd  
503, Block A, Pusat Dagangan Phileo Damansara 2,  
Jalan 16/11, Sek 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor.

### • Kaedah Pemulangan & Pertukaran (Untuk alamat Malaysia):

Pertukaran produk yang sama: Zinnia akan menghantar semula produk selepas prosedur disahkan tanpa caj penghantaran tambahan.

Produk gantian (bergantung kepada stok) atau produk dengan nilai yang sama akan dihantar dalam tempoh minimum 7 hari bekerja selepas menerima barang rosak.

### Terma & Syarat Pemulangan & Pertukaran:

- Semua pemulangan mesti dihantar ke alamat di atas dengan kebenaran e-mel atau WhatsApp terlebih dahulu.
- Barang yang dipulangkan mesti dalam bungkusan asal. Pemulangan yang tidak lengkap boleh ditolak.
- Pemulangan tanpa kebenaran atau dengan nombor pelekat kualiti yang berbeza akan ditolak.
- Sah untuk alamat Malaysia sahaja.
- Zinnia tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang dan kos penghantaran balik.
- Zinnia berhak menggantikan barang bergantung kepada ketersediaan stok.
- Zinnia akan menanggung kos penghantaran semula jika tuntutan kerosakan disahkan.
- Zinnia berhak menentukan kaedah penghantaran semula.
- **Bungkusan Tidak Dituntut:** Semua penghantaran yang tidak dituntut atau ditolak dan dipulangkan semula kepada Zinnia oleh kurier tertakluk kepada caj penghantaran balik sekali sahaja yang dibayar oleh syarikat.